



22 Disember 2015
22 December 2015
P.U. (A) 303

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) 2015

STAMP DUTY (EXEMPTION) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) 2015**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 November 2014.

Pengecualian

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (3), semua surat cara yang disempurnakan menurut suatu skim penstrukturan semula bagi orang berlesen atau kumpulan perbadanannya sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (2) dikecualikan daripada duti setem yang boleh dikenakan di bawah Akta.

(2) Surat cara yang disebut dalam subperenggan (1) ialah surat cara yang disempurnakan menurut—

(a) suatu skim yang dijalankan oleh penanggung insurans berlesen, selain penanggung insurans semula profesional berlesen, bagi maksud mematuhi subseksyen 16(1) dan seksyen 276 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], dan skim itu diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah subseksyen 100(6) Akta itu;

- (b) suatu skim yang dijalankan oleh pengendali takaful berlesen, selain pengendali takaful semula profesional berlesen, bagi maksud mematuhi subseksyen 16(1) dan seksyen 286 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], dan skim itu diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah subseksyen 112(6) Akta itu;
- (c) suatu pemerolehan atau pelupusan saham oleh penanggung insurans berlesen atau pengendali takaful berlesen bagi maksud skim yang disebut masing-masing dalam perenggan (a) atau (b);
- (d) suatu proses untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau seksyen 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, atau penyerahan balik lesen menurut seksyen 22 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau seksyen 19 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, oleh penanggung insurans berlesen atau pengendali takaful berlesen berikutan daripada skim yang disebut masing-masing dalam perenggan (a) atau (b);
- (e) suatu skim pemindahan perniagaan oleh syarikat pemegangan kewangan kepada syarikat yang lain, atau suatu pemerolehan atau pelupusan saham oleh syarikat pemegangan kewangan atau mana-mana syarikat lain dalam kalangan kumpulan kewangannya, bagi maksud mematuhi seksyen 114 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau seksyen 126 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dan Bank Negara Malaysia telah menyatakan secara bertulis bahawa ia tiada bantahan terhadap skim atau transaksi itu; dan

(f) suatu pemerolehan atau pelupusan saham, atau penubuhan suatu syarikat, oleh suatu syarikat pemegangan kewangan atau mana-mana syarikat lain dalam kalangan kumpulan kewangannya atau kumpulan perbadanannya—

(i) berkenaan dengan suatu permohonan di bawah seksyen 110 atau 111 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan permohonan itu diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah subseksyen 112(3) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, atau sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 280(2) atau (3) Akta itu; atau

(ii) berkenaan dengan suatu permohonan di bawah seksyen 122 atau 123 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan permohonan itu diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah subseksyen 124(3) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, atau sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 290(1) Akta itu.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi surat cara sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (2)—

(a) yang dibuat pada atau selepas 1 November 2014 tetapi tidak lewat dari 30 Jun 2018; dan

(b) yang telah diluluskan atau tidak dibantah oleh Bank Negara Malaysia.

(4) Permohonan untuk pengecualian di bawah perenggan ini hendaklah disertakan dengan—

- (a) satu salinan surat kelulusan atau surat tiada bantahan daripada Bank Negara Malaysia; dan
- (b) suatu akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*] oleh lembaga pengarah bagi orang berlesen itu atau kumpulan perbadanannya yang mengesahkan bahawa surat cara itu disempurnakan semata-mata bagi maksud skim dan transaksi yang disebut dalam subperenggan (2)(a) hingga (f), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Dalam perenggan ini—

“kumpulan kewangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

“kumpulan perbadanan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

“orang berlesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

“penanggung insurans berlesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

“penanggung insurans semula profesional” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

“pengendali takaful berlesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;